

Title	Newspaper	Day	Date
RHB Islamic, IAP Integrated jalin kerjasama penajaan	Harian Metro	Tuesday	08 Aug 2017

## RHB Islamic, IAP Integrated jalin kerjasama penajaan

**Kuala Lumpur:** RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) menandatangani perjanjian penajaan bank dengan IAP Integrated Sdn Bhd (IAP Integrated), pengendali Investment Account Platform (IAP).

Perjanjian itu menyaksikan RHB Islamic menjadi bank penaja bukan pemegang saham yang pertama menyertai IAP iaitu inisiatif yang diketuai konsortium enam bank Islamik serta disokong Bank Negara Malaysia (BNM).

IAP akan memudahkan pengantaraan yang berkesan oleh bank penaja untuk memenuhi keperluan pembiayaan usaha dengan pelaburan daripada pelabur runcit dan institusi melalui Akaun Pelaburan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic, Datuk Adis-



**ADISSADIKIN (kiri) dan Mohamed Izam bersalaman selepas menandatangani perjanjian penajaan bank.**

sadikin Ali berkata, pihaknya berbesar hati dapat menjadi sebahagian daripada inisiatif berkenaan.

"Kerjasama ini dijangka dapat membuahkan manfaat untuk platform IAP dan pemegang saham," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, dengan pembangunan produk yang akan diperkenalkan tahun ini, RHB Islamic akan menawarkan Investment Account Business kepada pelanggannya mulai 2018.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Integrasi IAP, Mohamed Izam Mo-

hamed Yusof berkata, pasaran dapat melihat lebih banyak penyenaiaan usaha atau projek pada IAP pada 2018, dengan penambahan RHB Islamic sebagai bank penajaan.

"Tahun 2016 menyaksikan tiga kerjasama terse- narai di IAP iaitu Perak Transit Berhad, Koperasi Kakitangan Kumpulan BIMB Holdings Berhad (Kobimbing) dan ICT Zon Ventures Berhad dengan dana berjumlah RM20 juta.

"Setakat tahun ini, IAP mempunyai dua penyena- raian di mana yang pertama adalah Dana SURIA (Akaun Pelaburan Tertentu Khusus) sebanyak RM60 juta dan yang kedua di bawah sebuah syarikat yang dipanggil Kumpulan CMC yang berjaya menjana RM12 juta pada awal Julai 2017," katanya.